

# FPP BizNewz

January - May 2025

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

DIGITAL MARKETING  
**in a digital age**

**BRAIN DRAIN**

A Point of View in Malaysia

**MENTAL  
HEALTH**

*Bagaimanakah Penularan*

**PLANKTON  
MERBAHAYA**

*Memberi Kesan kepada  
Usahawan Pesisiran Pantai*

**BUKIT  
LUNING**



**PERANAN  
MAJIKAN  
DALAM  
MENANGANI  
TEKANAN KERJA  
PEKERJA**

**BUBU NAGA**

*Sekat Rezeki Nelayan Tradisional*

**MOTIVATING  
MINDS**

*How Lecturers Can Use Positive  
Reinforcement to Boost*

**HUTANG**  
*Kawan atau Lawan?*

*Unik tapi Benar*  
**KANTUNG MADU KELULUT BERBEZA**

**RINTANGAN INSULIN**

*Punca, Risiko dan Hubungannya dengan Diabetes*

eISSN 2600-9811



9 772600 981003

Publication Date

1 June 2025

# BUBU NAGA SEKAT REZEKI NELAYAN TRADISIONAL

MUHAMMAD FAIZ ABD RAHIM, MUHAMMAD IRMAN FAZLEY ABDULLAH, MUHAMMAD RUSLI HAKIM, NUR FARAH ADIBAH MAS SHAMSUDIN, SHARIR AIZAT KAMARUDDIN, ALYA BALQIS MOHD JAIS, ZIKRY HAKIM ZAINAL ABIDIN

Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Perlis, Malaysia.  
Emel Koresponden: [shariraizat@uitm.edu.my](mailto:shariraizat@uitm.edu.my)



Industri perikanan merupakan sektor ekonomi penting bagi kebanyakan komuniti nelayan yang tinggal di pesisiran pantai di Malaysia. Di dalam industri ini, terdapat pelbagai kaedah penangkapan ikan, termasuk penggunaan jaring, pukot, dan bubu. Bubu naga, yang kini semakin popular, adalah sejenis perangkap ikan yang direka bentuk untuk menangkap hidupan laut dalam jumlah yang besar, menjadikannya pilihan yang menarik bagi nelayan komersial. Ianya selalu digunakan untuk menangkap atau menjebak ikan yang ada di sungai, laut, muara, dan lain-lain. Walau bagaimanapun, kehadirannya menimbulkan kebimbangan dalam kalangan nelayan tradisional kerana ia boleh menjejaskan hasil tangkapan mereka (Bubu Naga Perosak Ekosistem Laut Dirampas Maritim Malaysia, 2024). Sikap tamak individu yang menggunakan bubu naga untuk menangkap ikan bukan sahaja merosakkan ekosistem marin tetapi juga mempunyai implikasi negatif terhadap usaha mencapai sifar kemiskinan dan kelaparan.

Penggunaan bubu naga dalam industri perikanan di Malaysia mengakibatkan penangkapan ikan secara berlebihan, sekali gus menimbulkan persaingan tidak adil terhadap nelayan tradisional. Bubu naga, dengan kemampuannya menangkap ikan dalam kuantiti yang besar, boleh mengakibatkan pengurangan populasi ikan. Dalam situasi ini, nelayan tradisional tidak mampu bersaing dari segi kuantiti dan kecekapan hasil tangkapan berbanding dengan nelayan yang menggunakan bubu naga. Ianya juga mengancam sumber mata pencarian nelayan tradisional yang bergantung sepenuhnya kepada kaedah penangkapan dalam skala kecil-kecilan (Hamid, 2024). Keadaan ini secara tidak langsung memperburukkan lagi masalah kemiskinan dalam komuniti yang tinggal di pesisiran, kerana hasil tangkapan yang berkurangan menjejaskan sumber pendapatan mereka.

Penggunaan bubu naga dalam aktiviti penangkapan ikan memberi kesan negatif kepada habitat marin dan ekosistem. Bubu naga yang mempunyai lebih daripada dua injap dapat menangkap bukan sahaja ikan dewasa tetapi juga benih ikan dan udang. Ini boleh menyebabkan penurunan populasi spesies tersebut. Kegiatan ini merosakkan habitat semula jadi seperti terumbu karang dan kawasan pembiakan yang penting untuk kelangsungan hidupan-hidupan marin (Pejabat Perikanan Negeri Sembilan, 2023). Akibatnya, ekosistem menjadi tidak seimbang seterusnya menyekat rezeki nelayan tradisional yang bergantung kepada sumber ikan yang sihat. Kerosakan ini bukan sahaja menjejaskan pendapatan mereka tetapi juga akan mengancam biodiversiti di kawasan tersebut.

Bubu naga juga dikenali sebagai perangkap naga, merupakan masalah besar bagi nelayan tradisional. Perangkap ini seperti sangkar bawah air yang besar yang menangkap banyak ikan, tetapi mereka tidak mengambil berat tentang saiz atau jenis ikan yang ditangkap (Halid, 2021). Ini bermakna mereka menangkap ikan muda yang masih belum bersedia untuk membiak, dan pelbagai jenis ikan yang turut ditangkap oleh nelayan tradisional. Memandangkan perangkap terus memerangkap semua ikan, dikhuatiri tidak ada lagi yang tinggal untuk para nelayan tradisional dan ia menjejaskan cara mereka mencari rezeki. Perkara ini boleh memusnahkan komuniti nelayan yang bergantung kepada sumber laut yang sihat.

Bubu naga ini merupakan sejenis perangkap ikan inovatif yang boleh memberi kesan ekonomi jangka panjang kepada nelayan tradisional. Dengan keupayaannya menangkap ikan dalam jumlah yang besar, bubu naga berpotensi meningkatkan hasil tangkapan dan pendapatan nelayan. Namun, penggunaan yang meluas boleh membawa kepada penangkapan berlebihan dan mengancam kelestarian hidupan marin (Bernama, 2024). Dalam jangka panjang, ini boleh menyebabkan kekurangan ikan, mengurangkan hasil tangkapan, dan memaksa nelayan beralih kepada kaedah menangkap ikan yang lain atau berhenti menangkap ikan sama sekali. Oleh itu, sementara bubu naga menawarkan manfaat ekonomi jangka pendek, ia juga memerlukan pengurusan yang bijaksana untuk memastikan sumber ikan yang lestari dan kesejahteraan nelayan tradisional.

Kesimpulannya, jelaslah bahawa penggunaan bubu naga ini banyak memberi impak negatif terutamanya dalam kalangan para nelayan tradisional dan komuniti. Ia bukan sahaja menjejaskan hasil pendapatan para nelayan dan keluarga mereka malah ia juga memberi kesan buruk terhadap ekosistem marin serta ekonomi setempat. Justeru, isu kemiskinan dan kelaparan yang semakin memuncak dalam kalangan nelayan tradisional sewajarnya diberi perhatian secara lebih serius oleh pihak berwajib. Selain itu, masyarakat juga perlu diberi pendedahan dan kesedaran tentang kesan jangka masa panjang tentang penggunaan alat tangkapan yang jelas sekali tidak beretika sekali gus mendukung segala usaha yang dilakukan bagi melindungi kepentingan nelayan tradisional. Berkat kerjasama daripada semua pihak, pastinya kesejahteraan para nelayan tradisional dapat dipertahankan dan kelestarian sumber laut juga dapat dipelihara untuk generasi akan datang.

Rujukan:

Bernama. (2024, November 5). Mnea seizes 45 'bubu naga' fish traps in Yan. Retrieved from <https://www.bernama.com/en/news.php?id=2296509>  
Bubu Naga Perosak Ekosistem Laut Dirampas Maritim Malaysia. (2024). Laman Rasmi Maritim Malaysia. <https://www.mnea.gov.my/index.php/ms/terkini2/berita-utama/723-bubu-naga-perosak-ekosistem-laut-dirampas-maritim-malaysia>  
Halid, S. (2021, April 8). Penjualan bubu naga bakal diharamkan - Jabatan Perikanan. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/04/804969/penjualan-bubu-naga-bakal-diharamkan-jabatan-perikanan>  
Hamid, N. H. (2024, January 19). Bubu naga ancam sumber protein negara. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/645192/edisi/utara/bubu-naga-ancam-sumber-protein-negara>  
Pejabat Perikanan Negeri Sembilan. (2023, February 7). SITAAN BUBU NAGA. Laman Web MKN. <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2023/02/07/sitaan-bubu-naga/>



**Gambar 1: Penggunaan bubu naga dalam industri perikanan di Malaysia mengakibatkan penangkapan ikan secara berlebihan**



**Gambar 2: Bubu naga boleh memberi kesan ekonomi jangka panjang kepada nelayan tradisional (sekadar gambar hiasan)**



BizNewz 2025  
Faculty of Business and Management  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun  
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA  
Tel: +609-8400400  
Fax: +609-8403777  
Email: biznewzitm@gmail.com